

Rafidah: Hentikan lobi-melobi



**DATIN PADUKA
RAFIDAH AZIZ**

KOTA BHARU, Rabu — Ahli-ahli Pergerakan Wanita UMNO dinasihatkan jangan melobi untuk menaikkan seseorang pemimpin yang mereka sukai terutama di saat menjelang pilihanraya.

Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Rafidah Aziz berkata, perbuatan itu hanya akan menguntungkan mereka yang menentang UMNO.

Menurutnya, Wanita UMNO boleh memainkan peranan meredakan kekecohan dan titik-bengik yang berlaku dalam rumahtangga UMNO bagi menghidupkan lagi semangat perjuangan ahli-ahlinya.

"Kita tidak mahu ahli-ahli Wanita UMNO bersikap bisung sesama sendiri sedangkan hasilnya

tidak memberi sebarang kesan kepada kejayaan mereka," tambahnya.

Menteri Perusahaan Awam itu berucap di upacara penyampaian bantuan kepada murid-murid miskin oleh Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani di kediaman Menteri Besar di sini semalam.

Datin Paduka Rafidah bimbang kekecohan dalam pertandingan merebut jawatan pucuk pimpinan UMNO di peringkat bahagian akan meretakkan perpaduan dalam parti itu sendiri.

"Sebab itu Pergerakan Wanita UMNO bimbang pergeseran akibat dari perbuatan lobi-melobi akan meninggalkan kesan buruk di kalangan pemimpin dan penyokong-penyokongnya, seperti kata orang, walaupun luka telah hilang, parut tetap tinggal

juga," tegasnya.

Datin Paduka Rafidah mengingatkan ahli-ahli Pergerakan Wanita UMNO khususnya, dalam mengemaskan jentera pilihanraya mereka bukan sahaja boleh menggerakkan jentera dari segi kebendaannya juga segi mental dan psikologi.

"Ini penting kerana di saat negara sedang membangun sekarang, pergerakan jentera di bidang kerohanian perlu diambil kira kerana setengah rakyat boleh memikirkan sendiri buruk baik mereka berada di dalam sesebuah kerajaan itu walaupun tidak disogokkan dengan kebendaan," tambahnya.

Sementara itu, ketika ditemui oleh para pemberita, Datin Paduka Rafidah menjelaskan soal beliau akan bertanding merebut Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia tidak timbul.

"Isu tersebut mungkin sengaja dibangkitkan oleh setengah pihak yang cuba membuat spekulasi terhadap saya terutama menjelang Perhimpunan Agung UMNO tidak lama lagi. Lagi pun tak kan saya nak lawan taukeh pula," ujarnya berseloroh.